

21 SEP 2001

Mahathir-Zakat

UMAT ISLAM DIGESA KERJA KUAT SUPAYA LEBIH WANG ZAKAT DAPAT DIKUTIP

JITRA, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam perlu berusaha menambah pendapatan supaya mereka dapat mengeluarkan zakat yang seterusnya dapat membantu umat Islam yang menanggung kesusahan.

"Jikalau umat Islam hidup dalam kemiskinan, mereka tidak dapat mengeluarkan zakat. Sebab itu kita disuruh cari rezeki dan menambah pendapatan supaya wang zakat yang dikumpulkan jadi bertambah," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan bantuan zakat Bank Rakyat kepada 300 penduduk Kubang Pasu, di masjid Kampung Darat, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata umat Islam sebenarnya mampu meningkatkan pendapatan sekiranya masa dan tenaga mereka digunakan sepenuhnya.

Sambil memberi contoh penanam padi, Dr Mahathir berkata mereka bukan sepanjang masa berada di sawah dan dengan itu mempunyai banyak masa lapang yang boleh digunakan untuk menambah pendapatan.

Katanya mereka boleh menanam tanaman lain ataupun mengusahakan kraftangan yang sememangnya digemari pelancong asing.

"Saya kecewa bila melihat pelancong asing membeli barangan kraftangan bukan buatan tempatan, sebaliknya mereka membeli barangan yang diimport dari Thailand, Indonesia dan Filipina.

"Mengapa kita tidak boleh keluarkan barangan kraftangan itu sendiri sedangkan orang kita mempunyai kemahiran untuk menghasilkannya," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya mereka menggunakan peluang yang wujud itu, sudah tentu pendapatan bertambah dan dapat keluar daripada kemiskinan serta dapat pula membayar zakat bagi membantu umat Islam lain yang susah.

"Kita patut rasa berbangga dapat mengeluarkan zakat kerana wang zakat itu dapat menyelesaikan masalah sosial umat Islam dan merapatkan hubungan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga telah melancarkan pelbagai program bagi meningkatkan pendapatan rakyat.

"Kerajaan akan terus membantu golongan miskin menambah pendapatan supaya mereka dapat keluar dari kemiskinan dan tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan," katanya.

Turut hadir adalah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Pengerusi Bank Rakyat Dr Norraesah Mohamad dan Pengarah Urusan Bank itu Datuk Dr Zainul Bahrin Mohd Zain.

Dr Mahathir kemudiannya menunaikan solat Jumaat di masjid kampung berkenaan.

-- BERNAMA

MZM LAT